



REMUK...kenderaan yang terbabit kemalangan, semalam.

4/M 24/2/2011

MS 4.

# Macam tin sardin

**S**EREMBAN: “Kejadian berlaku amat pantas, kereta pacuan empat roda itu gagal mengelak lalu melanggar kereta rakan saya yang kemudian diseret hingga ke belakang lori,” kata pemandu lori, Ahmad Bahari Mustar, 52.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi semalam, sebuah kereta Perodua Kancil diibaratkan umpama tin sardin berikutan keadaannya yang remuk teruk antara dua kenderaan lain dalam kemalangan di jambatan Jalan Seremban-Tampin berdekatan Kampung Baru Rahang, di sini.

Menurut Bahari, ketika itu dia dalam perjalanan pulang

menuju ke bandar ini bersama pemandu kereta berkenaan yang juga rakannya dikenali sebagai Pang Kim Yin, 72.

“Sejurus tiba di tempat kejadian, lori tanpa muatan dipandu rosak di tengah jalan dan menyebabkan kami memberhentikan kenderaan masing-masing di lorong kiri jalan.

“Namun, tidak lama kemudian, saya terkejut apabila melihat kereta rakan (Kim Yin) dilanggar sebuah Perodua Kencana yang datang dari arah belakang.

“Perlanggaran itu menyebabkan kereta Perodua Kancil berkenaan terseret lalu merempuh pula belakang lo-

ri saya sehingga tersepit,” katanya di sini, semalam.

Kata beliau, dia amat bersyukur kerana kemalangan membabitkan tiga kenderaan itu tidak membabitkan sebarang kecederaan serius walaupun kejadian berlaku pantas.

Harian Metro difahamkan, pemandu kereta Perodua Kencana yang tidak cedera tidak perasan kereta Perodua Kancil berkenaan berhenti di tepi jalan akibat mengalami kerosakan.

Sementara itu, Pegawai Turus Trafik negeri, Asisten Superintendan Abdul Halil Hamzah mengesahkan menerima laporan kejadian berkenaan.